

Cahaya Menara Biru

45 Tahun Bersama Masyarakat

Berkhidmat dengan Keyakinan dan Keihsanan



Hak Cipta © 2025 Masjid An-Nur

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan foto dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada fotokopi, mekanik, rakaman, cetakan, elektronik, atau cara-cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada Masjid An-Nur.

Buku ini diterbitkan oleh:

Masjid An-Nur

6 Admiralty Road, Singapore 739983

www.annurmosque.sg

Buku ini dicetak oleh:

Key-Orient Lamitec Pte Ltd

Beberapa Faktor Asas Bagi Kepimpinan Masjid



**USTAZ DR. MUHAMMAD
HANIFF HASSAN**

Felo, Sekolah Pengajian Antarabangsa
S.Rajaratnam Universiti Teknologi
Nanyang Singapura

Masyarakat Islam telah melabur jutaan dolar untuk pembinaan masjid. Dilihat dari sudut jumlah pelaburan dan nilai aset hari ini, nilai masjid adalah begitu besar apatah lagi jika digandingkan dengan peranan dan kepentingan masjid bagi pembangunan sesebuah masyarakat yang soleh.

Dengan melihat masjid dari perspektif kebendaan dan keagamaan, kita tidak mempunyai pilihan kecuali memastikan bahawa institusi masjid kita berfungsi sebagai sebuah institusi yang cemerlang yang akan menjadi pemangkin bagi kewujudan sebuah masyarakat Islam yang cemerlang.

Asas bagi sebuah institusi masjid yang cemerlang ialah sumber manusia yang soleh dan program-program yang soleh. Manusia soleh menghasilkan program yang soleh. Program yang soleh pula menghasilkan manusia soleh. Namun dari mana kita bermula? Persoalan ini seolah-olah seperti persoalan ayam dan telur.

Tidak sukar untuk menjawab persoalan ini kerana ia telah pun dinyatakan dalam Al-Quran. Allah Taala berfirman yang bermaksud:

“Tidak mungkin orang-orang musyrik itu memakmurkan masjid-masjid Allah dalam keadaan mereka bersaksi atas diri mereka dengan kekufuran. Mereka itu telah musnah segala amal-amal dan di dalam neraka mereka kekal. Sesungguhnya yang dapat memakmurkan masjid-masjid Allah adalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat dan mendirikan solat dan mengeluarkan zakat dan tidak takut kecuali Allah. Moga-moga mereka itu menjadi di kalangan orang-orang yang mendapat hidayat.”
[Surah At-Taubah, ayat 17 – 18]

“Dan masjid yang didirikan atas takwa pada hari pertama ia dibangun lebih berhak untuk engkau beribadat di dalamnya. Di dalamnya terdapat lelaki-lelaki yang suka untuk membersihkan diri. Dan Allah suka golongan yang membersihkan diri”
[Surah At-Taubah, ayat 108]

Kedua-dua ayat di atas secara jelas menyatakan bahawa proses pemakmuran masjid bermula daripada manusia. Dalam konteks zaman Rasulullah SAW ia bermula daripada diri Rasulullah SAW. Baginda kemudiannya melahirkan program-program yang soleh yang menghasilkan para sahabat yang soleh dan dari para sahabat pula lahir manusia soleh yang lain, yang memakmurkan masjid di merata tempat, dan seterusnya.

Ayat di atas juga menerangkan apa yang perlu ada pada manusia yang ingin memakmurkan masjid. Yang paling penting untuk ada, bukanlah kemahiran pengurusan dengan memiliki ijazah MBA, BBA atau pengalaman menjawat jawatan kanan dalam bidang pengurusan tetapi adalah nilai takwa.

Walaupun ketiadaan takwa bukan satu-satunya punca masalah yang wujud di masjid-masjid kita hari ini, ia adalah antara punca utamanya. Ketiadaan takwa menimbulkan fitnah, sengketa, hilangnya keikhlasan dan lain-lain. Semuanya ini menjadi penghalang untuk merealisasikan masjid sebagai institusi kita yang cemerlang. Lebih buruk dari itu, ia merupakan pengabaian terhadap amanah agama dan harta masyarakat Islam.

Termasuk dalam faktor manusia yang menjamin kesolehan sebuah masjid ialah kepimpinan yang menerajui sebuah masjid.

Kepimpinan – Faktor Manusia Yang Penting

Islam sangat mementingkan aspek kepimpinan dalam semua aspek. Ini dapat dilihat daripada pelbagai dalil yang antaranya ialah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Jika berangkat tiga orang dalam perjalanan, maka hendaklah mereka mengangkat salah seorang di antara mereka menjadi amir (ketua).”

[HR Abu Daud]

Hadis ini mengajar bahawa dalam bermusafir pun harus ada pemimpin yang memimpin perjalanan dan apabila satu urusan yang melibatkan walau tiga orang, maka salah seorang mesti dilantik sebagai ketua. Jika dalam aspek sedemikian pun perlu ada peranan kepimpinan, apatah lagi dalam aspek pengurusan masjid dan persoalan yang melibatkan urusan masyarakat Islam yang lebih ramai.

Asas bagi penghayatan kepimpinan Islam yang berkesan di institusi masjid ialah:

1. Perasaan bahawa setiap individu adalah pemimpin atau pasti akan melaksanakan tugas kepimpinan.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Setiap kamu adalah pengembala dan setiap kamu diminta bertanggungjawab ke atas gembalanya. Maka seorang pemimpin yang memimpin orang ramai adalah pengembala yang diminta bertanggungjawab atas gembalanya. Seorang suami adalah pengembala dalam keluarganya dan ia diminta bertanggungjawab atas gembalanya. Isteri adalah pengembala dalam rumah suaminya, dan ia diminta bertanggungjawab atas gembalanya. Hamba sahaya adalah gembala terhadap harta tuannya dan ia wajib bertanggungjawab atas jagaannya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin dan masing-masing kamu diminta pertanggungjawaban dalam pimpinannya.”

[HR Al-Bukhari dan Muslim]

Jika kita lihat para sahabat, kita akan dapati bahawa mereka amat tawaduk dalam menerima jawatan kepimpinan, tetapi apabila mereka telah dilantik sebagai pemimpin mereka melaksanakannya dengan baik.

Oleh itu setiap seorang haruslah bersedia memainkan tugas kepimpinan dan membina kebolehan dalam diri untuk memimpin.

2. Merasakan bahawa kepimpinan adalah taklif (pertanggungjawaban) bukan tasyrif (penghormatan).

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Wahai Abu Zar! Engkau seorang yang lemah. Kekuasaan adalah sesuatu amanah yang kelak di hari Kiamat akan menyusahkan, kecuali orang yang dapat menguasainya kerana haknya dan melaksanakan apa yang menjadi tugasnya.”
[HR Muslim]

3. Kepimpinan jangan dituntut.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya kami tidak mengangkat untuk ini (kepimpinan) orang yang memintanya dan tidak pula orang yang mengharapkannya.”
[HR Al-Bukhari]

Walau bagaimanapun di saat maslahat Islam memerlukan, kita boleh menawarkan diri untuk menjalankan tugas kepimpinan seperti yang dilakukan oleh Nabi Yusuf AS.

Allah Taala berfirman menceritakan tentangnya yang bermaksud:

“Yusuf menjawab: Jadikanlah aku Bendahara negeri (Mesir). Sesungguhnya aku sanggup memelihara dan cukup pengetahuan.”
[Surah Yusuf, ayat 55]

Walau Islam melarang kita menuntut jawatan kepimpinan, ia tidak menghalang kita membina sifat-sifat kepimpinan bahkan menggalakkannya agar apabila tuntutan memerlukan kita memimpin, kita berada dalam keadaan bersedia.

Ciri ini didasarkan daripada firman Allah Taala yang bermaksud:

“Tuhan kami kurniakanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat-zuriat yang menjadi cahaya mata dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa.” [Surah Al-Furqan, ayat 73]

Pengajaran daripada ayat ini ialah Allah Taala menggalakkan umat Islam membina sifat dan kemampuan kepimpinan yang dimanifestasikan daripada amalan berdoa. Walaupun Islam tidak menggalakkan umat Islam menuntut jawatan kepimpinan, ia tidak menghalang mereka daripada membina kemampuan kepimpinan dalam diri mereka berdasarkan ayat ini.

BEBERAPA FAKTOR ASAS BAGI KEPIMPINAN MASJID

Jika kita lihat para sahabat, kita akan dapati bahawa mereka amat tawaduk dalam menerima jawatan kepimpinan tetapi apabila mereka telah dilantik sebagai pemimpin mereka melaksanakannya dengan baik. Sekiranya mereka tidak membina sifat kepimpinan dalam diri mereka dan Rasulullah SAW tidak mendidik mereka dengan kemampuan kepimpinan sudah pasti mereka tidak mampu melaksanakan tugas kepimpinan.

Contoh pendidikan kepimpinan oleh Rasulullah SAW ialah menghantar Ali RA ke Yaman sebagai wakilnya, menghantar Muaz RA ke Yaman sebagai hakim dan menghantar para sahabat sebagai ketua ekspedisi ketenteraan.

Secara logiknya seseorang tidak akan dapat melaksanakan tugas kepimpinan sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam jika ia tidak memahami ajaran Islam dengan baik. Oleh itu sewajarnya mereka yang dididik dengan fikrah Islamiah yang ke hadapan untuk melakukan tugas-tugas ini. Namun ini tidak mungkin dapat dicapai jika mereka ini tidak dididik dengan kemahiran kepimpinan.

Bagi mereka yang ingin menyumbang dalam kepimpinan masjid atau bagi kepimpinan masjid yang berusaha untuk membangun bakat kepimpinan muda di masjidnya, langkah-langkah yang boleh dilakukan adalah:

1. Penanaman kefahaman yang mendalam terhadap konsep kepimpinan islam
2. Penglibatan yang aktif dalam kerja organisasi
3. Pendedahan terhadap tugas kepimpinan



Ulama mensyaratkan dua syarat umum bagi sesiapa yang memikul tugas kepimpinan. Syarat berkenaan ialah;

1. Quwwah, iaitu kemampuan, kemahiran dan ilmu bagi melaksanakan tugas dengan berkesan
2. Amanah, iaitu kemampuan, kemahiran dan ilmu bagi melaksanakan tugas sejajar dengan kehendak Allah Taala

Kedua-dua syarat ini dinyatakan dalam firman Allah Taala yang bermaksud:

“Sesungguhnya sebaik-baik orang yang engkau beri upah (untuk sesuatu tugas) ialah yang mempunyai kekuatan (Quwwah) dan yang boleh dipercayai (Amanah).” [Surah Al-Qasas, ayat 26]

Sumber Nilai Kepimpinan Masjid

Sejauh mana kejayaan kepimpinan masjid untuk memainkan peranan bagi memastikan masjid dapat berfungsi sebagaimana yang sepatutnya terletak juga pada sejauh mana penghayatan mereka terhadap falsafah yang terdapat dalam solat jamaah yang merupakan ciri yang paling penting bagi sebuah masjid seperti nilai-nilai ikhlas, ubudiyah, mematuhi rukun dan syarat kerja, patuh kepada imam, berdisiplin dan lain-lain. Kegagalan menghayati dan mengamalkan nilai-nilai ini oleh manusia yang bertanggungjawab untuk memakmurkan masjid akan menyebabkan kegagalan masjid memainkan peranannya.

Hakikat ini mengajar kita bahawa adalah penting untuk memastikan mereka yang akan diberi amanah mentadbir masjid ini mempunyai nilai-nilai yang terkandung dalam amalan solat jamaah. Nilai-nilai inilah yang lebih utama dilihat dahulu daripada ciri-ciri lain.

Namun, hari ini terdapat semacam paradoks dalam masjid kita. Ini kerana masjid yang ciri utamanya ialah amalan solat jamaah yang mengajar umat Islam hidup bersatu padu tetapi di situlah terjadi medan pertentangan dan perbalahan yang membawa kepada permusuhan dan perpecahan. Kerja memakmurkan masjid yang mulia dicampuri dengan agenda-agenda peribadi dan individu. Maka bertebaranlah surat layang ke sana dan ke mari dan wujudlah usaha menjatuhkan sesuatu pihak. Fitnah di hamburkan seolah-olah tiada Tuhan Yang Maha Mengetahui.

Kerja memakmurkan masjid kadang kala bercampuraduk pula dengan rasa hasad, dengki, iri hati, takabbur dan lain-lain sama ada sesama rakan pentadbir atau dengan pentadbir masjid lain.

Semua ini menunjukkan kita betapa pentingnya kesucian jiwa bagi mengurus masjid, bukan hanya kebijaksanaan akal dan kemahiran pengurusan. Maka sebab itu Allah mengatakan dalam ayat di atas kepentingan wujudnya lelaki-lelaki yang suka untuk membersihkan diri.

Proses dan Wasilah

Kesucian jiwa ini tidak akan terwujud tanpa usaha tarbiyah dan tazkiyah yang berterusan baik oleh individu berkenaan atau institusi yang bertanggungjawab dalam melantik para pentadbir masjid.

Hakikat ini mengajar kita bahawa dalam usaha membina bakat kepimpinan masjid, aspek tazkiyah juga diambil berat bukan hanya aspek kemahiran berfikir dan pengurusan semata-mata.

Apabila Amanah Ini Diabaikan

Kita hendaklah faham sebagaimana Allah Taala memberi ganjaran yang besar bagi sesiapa yang membina dan memakmurkan masjid, begitulah juga ancaman bagi mereka yang mengabaikan amanah untuk memakmurkan masjid.

Maka sebab itulah kita perlu prihatin terhadap peranan masjid kita dan berusaha membaikinya agar pelaburan umat Islam ini tidak terabai dan membazir.

Allah Taala telah berfirman yang bermaksud:

“Dan mereka yang membangunkan masjid untuk menimbulkan bahaya, kekufuran, perpecahan antara orang-orang yang beriman dan menyambut kedatangan orang yang sejak dahulu lagi telah memerangi Allah dan Rasul-Nya dan sesungguhnya mereka bersumpah kami hanya menghendaki kebaikan dan Allah menjadi saksi bahawa sesungguhnya mereka itu pendusta.”

[Surah At-Taubah, ayat 107]

Kita perlu bina ‘sebuah masjid yang cemerlang’ dalam diri kita, barulah akan terbina institusi masjid yang cemerlang di atas bumi kita.

Allahu a’lam.